

Meneroka Kesan Psikososial Terhadap Mahasiswa Baharu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Akibat Pandemik COVID-19

Psychosocial Impact on the emotions of new students of Universiti Kebangsaan Malaysia the impact of the pandemic COVID-19

Nur Hidayatul Hafizha Zainurul Hisham
¹Noremy Md Akhir

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹noremy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh golongan mahasiswa baharu tahun satu di semester pertama kerana perlu menjalani aktiviti-aktiviti pembelajaran secara dalam talian. Sepanjang penyebaran wabak COVID-19 melanda di negara ini, rakyat perlu menempuhi kehidupan dengan norma yang baharu. Hampir semua aktiviti perlu dijalankan melaluidalam talian. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk fenomenologidandan data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan tematik analisis. Kajian ini telah melibatkan tujuh mahasiswa baharu tahun satu di semester pertama. Kajian ini juga telah dilaksanakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Kampus Bangi. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka kesan psikososial mahasiswa dan telah menghasilkan sebanyak tujuh tema utama iaitu kesan emosi yang terganggu, masalah kemudahan dalam pembelajaran, ekonomi yang tidak stabil, komitmen, tiada sistem sokongan yang baik, pemikiran yang kurang kreatif dan tiada kemahiran komunikasi yang baik. Implikasi terhadap dasar dan bidang ilmu adalah kajian ini mampu untuk membangunkan sistem sokongan psikososial di setiap universiti supaya dapat diuruskan dengan lebih teratur dan sistematik serta dapat meningkatkan penyelidikan bidang ilmu kerja sosial. Kajian yang terhasil ini diharapkan dapat menjadi panduan serta rujukan kepada pihak yang berkepentingan untuk tujuan penambahbaikan kepada pengkaji akan datang.

Kata Kunci: *Kesan psikososial, mahasiswa, pandemik COVID-19, universiti, emosi*

ABSTRACT

This study was conducted to identify the problems faced by new first year students in the first semester because they need to undergo online learning activities. Throughout the spread of the COVID-19 epidemic that hit the country, the people have had to live with new norms. Almost all activities have to be carried out online. This study has used a qualitative method by using phenomenological design and the data obtained was analyzed using thematic analysis. The study

involved seven new first-year students in the first semester. This study was also conducted at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi Campus. The objective of this study is to explore the psychosocial effects of students and has produced a total of eight main themes, namely the effects of disturbed emotions, ease of learning problems, unstable economy, commitment, no good support system, need to be independent, less creative thinking and no skills good communication. The implication on the policy and field of knowledge is that this study is able to develop a psychosocial support system in each university so that it can be managed more systematically and systematically as well as to improve research in the field of social work. The resulting study is expected to be a guide and reference to stakeholders for the purpose of improvement to future researchers.

Keywords: *Psychosocial effects, students, pandemic COVID-19, university, emotions*

1. Pengenalan

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa penularan sejenis virus baharu yang menyebabkan wabak COVID-19 melanda di seluruh dunia (Ehwan, 2020). Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), *Coronavirus* (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan dan *coronavirus* terbaru yang ditemui di China adalah *Coronavirus* 2019 (COVID-19). Akibat daripada penularan virus tersebut, semua negara telah menutup semua sektor termasuklah sektor pendidikan. Penutupan sektor pendidikan ini menyebabkan semua sekolah dan pusat pengajian tinggi ditutup bagi memutuskan rantaian penularan wabak ini. Pengalaman mahasiswa ketika di pusat pengajian juga boleh meninggalkan kesan terhadap perkembangan psikososial mahasiswa (Martin, 2000). Perkembangan psikososial ini berperanan penting dalam mempengaruhi interaksi mahasiswa dengan kurikulum, struktur program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pengajian (Wachs & Cooper, 2002). Menurut Fauziah et al (2012), kejayaan dan kecemerlangan akademik bukanlah penentu kebolehpasaran mahasiswa di peringkat global namun pengalaman dan penglibatan mahasiswa di kampus dan juga perkembangan psikososial mereka secara menyeluruh membantu ke arah itu. Selain daripada perkembangan psikososial mahasiswa terjejas, kajian ini juga akan menunjukkan tentang permasalahan yang dihadapi oleh mahasiswa yang sedang dalam pengajian di tahun satu semester pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Kampus Bangi yang perlu menjalani pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam persekitaran yang tidak kondusif. Hal ini kerana, elemen asas adalah penting dalam memastikan kesinambungan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta mewujudkan persekitaran yang kondusif (Motz et al., 2007).

2. Sorotan Literatur

Bencana COVID-19 yang melanda setiap negara kini makin hari makin bertambah. Seperti yang kita sedia maklum, pandemik COVID-19 ini telah memberi impak yang besar kepada pelbagai sektor dengan semua peringkat bidang pendidikan. Pembelajaran dalam talian adalah merupakan salah satu inisiatif untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada masa kini. Medium ini merupakan pembelajaran secara jarak jauh yang berteraskan teknologi (Hafiza et.al,

2019). Menurut Suzliana (2016) dalam kajiannya berkenaan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan remaja di universiti, kecerdasan emosi adalah merupakan salah satu aspek penting yang perlu ada dalam diri dan berkait rapat dengan masalah tekanan hidup yang dialami oleh remaja. Perkembangan psikososial ini telah merangkumi dari aspek perlakuan dan sikap individu dari segi personal, interpersonal, fizikal serta psikologi individu tersebut (Foubert & Grainger, 2006). Perkembangan psikososial merupakan salah satu aspek yang penting terhadap setiap mahasiswa ketika menyambung pembelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan serta kecemerlangan seseorang mahasiswa bukan sahaja daripada aspek akademik malahan pengalaman serta penglibatan di kampus dan juga perkembangan psikososial juga membantu mahasiswa dalam mencapai kejayaan (Fauziah et al, 2012).

Kajian ini telah mengaplikasikan teori psikososial dan teori hierarki keperluan maslow. Dalam teori perkembangan psikososial Erik Erikson (1950) terdapat lapan peringkat perkembangan. Namun kajian ini menekankan peringkat remaja iaitu, penerimaan sokongan sosial seperti sokongan emosi, kewangan, persekitaran dan sebagainya akan mempengaruhi gaya hidup mereka (Smith & Zhang, 2009). Dalam teori Hierarki keperluan maslow pula, terdapat lima peringkat keperluan manusia. Teori Maslow ini telah menjelaskan keperluan motivasi yang berlainan yang terdapat pada setiap peringkat keperluan dan sebelum keperluan yang lebih tinggi diperolehi oleh seseorang individu, keperluan-keperluan primer perlulah diperolehi terlebih dahulu (Asmawati 2002). Menurut Jaflus (2008), keadaan persekitaran seperti kekurangan kemudahan, kekurangan perkakas, sumber kewangan, waktu dan juga bahan rujukan menjadi sebab utama menghalang keterlibatan mahasiswa. Persekitaran yang kondusif adalah signifikan dalam merangsang kelakuan pembelajaran (Mucherah et al, 2008). Dalam kajian Zaid et al. (2009), punca gangguan emosi dapat dibahagikan kepada tiga faktor dimana melibatkan akademik, hubungan interpersonal dan juga persekitaran pembelajaran. Menurut kajian Azizi et al. (2017), emosi dan perasaan seperti tangisan, gembira, kesedihan serta ketakutan akan mencorakkan kehidupan dan membentuk sikap serta personaliti dalam memajukan arah hidup manusia. Menurut kajian beliau lagi, mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan ini telah berasa kecewa serta tertekan dalam menghadapi masalah tersebut seterusnya menjejaskan proses pembelajaran mereka.

Tekanan merupakan satu fenomena yang sering ditafsirkan sebagai ancaman besar terhadap kesihatan mental (Awang, 2016). Isu kesihatan mental kebiasaannya meningkat dalam kalangan mahasiswa universiti yang memberi impak terhadap peringkat kehidupan mereka (Wenjuan et al., 2020; Bruffaerts et al., 2018). Menurut Bernama (2020), terdapat ramai mahasiswa terutamanya dari golongan B40 yang masih lagi berjuang untuk mendapatkan capaian internet untuk meneruskan pembelajaran masing-masing.

3. Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan bagi kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi. Data kualitatif adalah berbentuk deskriptif yang merupakan kata-kata lisan atau tulisan berkenaan dengan tingkah laku manusia (Taylor & Bogdan, 1984). Disebabkan pandemik COVID-19, temu bual telah dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan medium *google meet*. Seramai tujuh orang mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Kampus Bangi telah terlibat dalam kajian ini di mana dua orang daripada tujuh mahasiswa

tersebut berada di kolej kediaman manakala lima orang lagi menjalani aktiviti secara dalam talian di rumah.

Kajian ini telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan manakala pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual yang mendalam. Pada peringkat awal pengumpulan data, temu bual seramai tujuh orang informan telah dijalankan di mana ia terdiri daripada mahasiswa baharu semester satu di tahun pertama mereka. Maklumat yang telah diterima semasa menjalani temu bual tersebut telah mencapai tahap ketepuan oleh kerana data yang diterima telah berjaya menjawab objektif kajian pengkaji. Semasa proses temu bual dijalankan, soalan tambahan (*prompt question*) telah diajukan kepada informan supaya dapat memiliki data yang kaya. Temu bual tersebut telah dirakam untuk tujuan rujukan dan rakaman yang direkodkan, telah ditukarkan kepada data berbentuk transkrip verbatim. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah ini sangat efektif untuk mengupas secara terperinci data-data kualitatif yang telah diperolehi (Frereday & Muir-Cochrane, 2006).

Seterusnya, dalam mencari tema untuk menjawab objektif kajian, penyusunan setiap data yang diperolehi daripada informan yang ditemubual dengan sistematik telah dilakukan. Pemilihan data-data yang bermakna telah dilakukan. Terdapat enam tahap dalam menganalisis data. Tahap pertama adalah memahami data yang diperolehi daripada temu bual bersama informan kajian. Seterusnya, membiasakan diri dengan data supaya dapat memilih data yang bermakna terhadap isu yang telah dikaji. Tahap ketiga merupakan pencarian tema yang bersesuaian. Seterusnya, menyemak semula tema yang telah dibangunkan. Pada tahap kelima, menentukan tema setelah mengenalpasti matlamat dan intipati terhadap setiap data yang telah dikategorikan. Tema yang dibina akan menjawab setiap persoalan kajian yang ingin dikaji. Akhir sekali, penulisan laporan berdasarkan data-data yang telah diperolehi sepanjang pemerhatian, temu bual dan pembacaan dijalankan.

RAJAH 1. Rumusan Metodologi Kajian

Kaedah kajian	Kualitatif
Reka bentuk kajian	Fenomenologi
Persampelan kajian	Persampelan bertujuan
Bilangan Informan	7 orang Informan
Teknik pengumpulan data	Temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen
Instrumen kajian	Soalan separa berstruktur
Analisis kajian	Analisis tematik

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Demografi Informan

Dalam Jadual 1 menunjukkan demografi bagi kesemua informan kajian yang terlibat dalam melaksanakan temu bual. Terdapat tujuh orang mahasiswa baharu yang terdiri daripada tahun satu semester pertama dan sedang menjalani pengajian sepenuh masa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi. Informankajian ini terdiri daripada kalangan lelaki adalah seramai dua orang manakala lima orang lagi informan merupakan daripada kalangan perempuan. Tempat kelahiran informan adalah di Perlis, Selangor, Sarawak, Perak dan Kuala Lumpur. Seterusnya, program pengajian informan adalah sains politik, sejarah, dakwah dan kepimpinan, bioinformatik, persuratan melayu dan sains pembangunan.

JADUAL 1. Demografi Informan

Informan	Umur (Tahun)	Jantina	Negeri Kelahiran	Program
Informan 1	21	Lelaki	Perlis	Sains Politik
Informan 2	22	Lelaki	Selangor	Sains Politik
Informan 3	21	Perempuan	Selangor	Sejarah
Informan 4	22	Perempuan	Sarawak	Dakwah dan Kepimpinan
Informan 5	21	Perempuan	Perak	Bioinformatik
Informan 6	21	Perempuan	Kuala Lumpur	Persuratan Melayu
Informan 7	20	Perempuan	Perak	Sains Pembangunan

4.2 *Impak Psikososial mahasiswa baharu UKM*

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tujuh perkara yang memberi impak psikososial terhadap emosi mahasiswa baharu semasa pandemik COVID-19 ini iaitu kesan emosi yang terganggu, masalah kemudahan dalam pembelajaran, komitmen, tiada sistem sokongan yang baik, perlu berdikari, pemikiran yang kurang kreatif dan tiada kemahiran komunikasi yang baik. Setiap kesan yang dialami telah dibincangkan seperti berikut.

i) Kesan emosi yang terganggu

Informanyang terlibat dalam temubual ini telah mengalami gangguan emosi disebabkan masalah-masalah yang perlu mereka hadapi. Apabila wujudnya gangguan emosi, mahasiswa akan sukar menumpukan perhatian dalam pembelajaran mereka. Hal ini akan memberi impak yang negatif terhadap seseorang mahasiswa. Kesan daripada gangguan emosi ini juga dapat menghasilkan tekanan yang melampau sehingga menyebabkan seseorang individu tersebut mengalami masalah dari aspek psikologi.

“Dia not kita kata depression kan tapi dia macam a sudden attack macam tu. Yelah kita kan student yang baru lepastu taktahu macam mana nak buat assignment gaya UKM dan sebagainya”

(Informan 2)

“Saya rasa semua pelajar tahun 1 ada masalah emosi sebabnya tak tahu nak survive macam mana pada awal dulu”

(Informan 4)

“Masalah-masalah macam ni boleh menyebabkan tekanan emosi untuk student ni”

(Informan 5)

Kenyataan-kenyataan yang diberikan menunjukkan bahawa mereka sedang menghadapi tekanan emosi oleh kerana mereka perlu menghadapi aktiviti secara dalam talian dan perlu menjalani aktiviti tersebut dengan norma yang baharu. pengkaji mendapati bahawa mahasiswa baharu memerlukan sokongan dalam bentuk sokongan emosi terhadap mereka. Majoriti informan yang telah menjalani temubual bersama pengkaji berhadapan dengan tekanan semasa pandemik COVID-19. Keperluan sokongan emosi ini membolehkan individu yang sedang mengalami tekanan dapat mencapai matlamat dan memenuhi kehendak serta memperolehi kesejahteraan hidup (Nurul hudani et al., 2017).

ii) Masalah kemudahan dalam pembelajaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa informan mengalami masalah ketika menempuhi aktiviti secara dalam talian. Terdapat ramai diantara informan yang mengalami situasi yang sama dimana kemudahan mereka mengalami masalah kemudahan dalam pembelajaran. Pengkaji telah mendapati bahawa masalah kemudahan yang dialami oleh mereka adalah seperti kurang kemudahan capaian internet, suasana pembelajaran yang tidak kondusif, sering berlaku salah faham, sukar untuk mendapatkan rujukan dan masalah kemudahan bagi komputer riba dan *handphone* kepada pelajar yang kurang bernasib baik.

“sebenarnya ia sangat mencabar terutamanya daripada capaian internet, kemudahan dari segi kefahaman, penyampaian pengajaran dan semuanya itulah kan”

(Informan 1)

“taktahu nak rujuk siapa tapi kita boleh ja rujuk senior apa semua kan tapi itulah limitasi kita nak hubungi senior senior semua”

(Informan 2)

“Kalau cuaca tak menentu line akan hilang lepastu terus terkeluar daripada kelas”

(Informan 3)

“Salah satu sebab kenapa susah ni sebabnya kita kena cari bahan rujukan sendiri”

(Informan 4)

“Saya nak akses kelas tak boleh lepastu masa ada exam pun macam kena struggle lah sikit dengan internet ni”

(Informan 5)

“...rumah saya terletak di hujung kampung jadi macam risau la dengan keadaan line yang tersekat-sekat”

(Informan 6)

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa masalah terbesar dalam menjalani aktiviti secara dalam talian adalah dengan tidak mempunyai kemudahan capaian internet yang stabil di rumah. Menurut kajian Christina (2017), Internet mempunyai keistimewaan iaitu mampu untuk menggabungkan ciri-ciri multimedia dengan maklumat yang hendak disampaikan. Namun, jika pelajar tidak dapat menggunakan kemudahan ini dengan baik, ia akan memberi kesan dalam pendidikan mereka seperti kekurangan sumber rujukan yang baik. Pembelajaran dan pengajaran akan berlaku dengan berkesan jika suasana persekitaran tempat pembelajaran tersebut tenteram dan tiada gangguan (Nidzam et al, 2016).

iii) Ekonomi yang tidak stabil

Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa informan yang mengalami masalah kewangan dalam tempoh pandemik ini. Masalah kewangan yang dialami sedikit sebanyak telah memberi

impak kepada mereka dalam menempuhi pengajian sebagai seorang mahasiswa tahun satu. Hal ini kerana, berikutan dengan pandemik ini terdapat beberapa keluarga yang perlu berkongsi gadget di rumah disebabkan semua aktiviti mahasiswa mahupun orang yang bekerja adalah secara dalam talian. Terdapat juga informan yang membuat kerja sampingan kerana memerlukan wang saku untuk membeli bahan rujukan serta keperluan yang diperlukan ketika berada di rumah. Bahagian ini mendapati bahawa tiga daripada tujuh informan menyatakan tentang masalah kewangan yang dihadapi semasa pandemik ini berlaku dan disebabkan itu informan yang mengalami masalah kewangan menghadapi tekanan emosi.

“Memang bergantung sangat sebab kalau untuk data memang dia akan makan banyak bayaran”

(Informan 1)

“Masalah kewangan pun adalah masalah yang terbesar jugak sebab kita perlukan bahan rujukan untuk buat assignment kan”

(Informan 3)

“saya still kena beli data yang tanpa had tu harganya RM 35 setiap bulan. Jadi sedikit terganggu la”

(Informan 5)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa mahasiswa yang menjalani aktiviti secara dalam talian juga mempunyai masalah dari segi kewangan kerana perlu membelanjakan keperluan seharian mereka sebagai seorang pelajar Universiti. Tambahan pula, pembelian internet pada setiap hari, bulan ataupun setiap minggu memerlukan sumber kewangan yang mencukupi. Menurut kajian Masayu (2018), keadaan kemiskinan yang dihadapi oleh sesetengah kelompok akan menyebabkan wujudnya jurang perbezaan antara masyarakat di luar bandar dan di bandar terutama dalam aspek tahap pendidikan yang diterima. Jika kita lihat pada zaman yang serba mewah ini, faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar, taraf sosioekonomi adalah salah satu faktor yang penting kerana ia melibatkan pengurusan kewangan yang mana ia akan mendorong pelajar sama ada untuk terus bersemangat ataupun tidak dalam menimba ilmu sebagai seorang mahasiswa Universiti (Zainal, 2004).

iv) Komitmen

Di bahagian ini, pengkaji telah mendapati bahawa komitmen yang perlu mahasiswa jalankan sebagai seorang pelajar di rumah adalah besar disebabkan mereka berada bersama keluarga. Tema ini terhasil daripada pengalaman informan semasa berada di rumah dan perlu menjalani kuliah dan program secara dalam talian dan perlu memenuhi permintaan keluarga mereka semasa kuliah berlangsung.

“semua memang itu wajiblah datang kelas tapi kadang-kadang pihak kolej ada buat program lepastu kelab pun ada buat program and kos saya pun ada buat program macam kadang-kadang tu rasa macam terkejar-kejar lah nak ikut program diaorang tu”

(Informan 4)

“time kita nak jawab soalan bila lecturer panggil kita, masatu tengah on mic masa tu jugaklah adik nak jerit lah, ibu nak panggil lah. So saya rasa benda tu pun cabaran untuk saya lah”

(Informan 5)

“Saya merupakan kakak kepada adik-adik saya jadi bebanan tu bertambah sebab ibu selalu la minta tolong untuk buat itu ini semasa saya tengah kelas”

(Informan 6)

Bagi kenyataan-kenyataan yang telah diberikan, kita dapat lihat bahawa terdapat mahasiswa yang mempunyai masalah jika pembelajaran secara dalam talian diteruskan di rumah kerana terdapat ibu bapa dan ahli keluarga yang tidak memahami tentang proses pembelajaran dalam talian ini. Dapat kita simpulkan bahawa komitmen yang dihadapi di rumah adalah satu cabaran kepada mereka untuk menjalani aktiviti secara dalam talian. Hal ini kerana, gangguan yang diterima semasa kuliah dijalankan adalah faktor pelajar tidak fokus semasa kelas. Suasana yang tenteram adalah sangat penting kepada semua individu untuk memastikan pembelajaran dan pengajaran berlaku dengan berkesan (Nidzam et al., 2016).

v) *Tiada sistem sokongan yang baik*

Antara masalah sistem sokongan yang tidak baik adalah, ibu bapa dan keluarga tidak memberi kerjasama semasa kelas berlangsung dan tiada persekitaran bersama rakan-rakan yang membantu dalam memberi semangat untuk meneruskan pengajian mereka. Jika tidak dibendung daripada masalah ini berlarutan ia akan memberi kesan terhadap mahasiswa itu sendiri iaitu dari segi emosi dan psikologi mereka. Masalah yang dihadapi ketika menjalani aktiviti secara dalam talian semasa pandemik iaitu masalah tiada sistem sokongan yang baik seperti keadaan rumah yang tidak kondusif untuk meneruskan pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, mahasiswa baharu tidak dapat mencapai tahap kepuasan dalam menjalani aktiviti sebagai seorang mahasiswa disebabkan faktor-faktor yang mereka hadapi ketika di rumah.

“... persekitaran kat rumah sangat berbeza bila di univesiti. Sebab kalau kita masuk kat universiti kan dia ada macam mindset kita, kita kena belajar itu ini dan environment waktu itu akan sangat membantu dengan rakan-rakan yang sama-sama belajar dengan kita, ada library ada program dan semuanya lah. So kalau kat rumah ni still ada program and still boleh join tapi tulah semuanya online sahaja. Jadi kita nak bagi komitmen pun kita takda macam 100% macam komitmen program secara fizikal”.

(Informan 2)

“kita duduk rumah so kita tak boleh nak expect kadang-kadang time kita tengah study ada benda lain yang kacau benda tu kita tak boleh lari so nak taknak kena buat jugak kena mengelak sekejap daripada study”

(Informen 3)

“Sejujurnya tak selesa. Sebabnya saya tidak dapat fokus dengan baik di rumah. Saya pun duduk di rumah makcik saya bukan di rumah sendiri jadi saya kurang selesa. Saya susah nak balik sarawak sekarang sebab COVID ni kan”.

(Informen 4)

“saya lebih suka untuk belajar dalam kelas macam biasa. Apa apa pun senang nak faham, senang nak fokus, persekitaran dalam kelas tu macam baik lah sebab kita dikelilingi dengan orang yang memang nak belajar. Kalau kat rumah ni ada adik yang tengok tv ada abang kakak yang tidur kan. So persekitaran tu macam tak membantu”

(Informan 5)

Mahasiswa yang sedang menjalani pembelajaran di rumah memerlukan sistem sokongan yang baik untuk membantu dalam menjalani aktiviti dengan bersemangat sebagai seorang pelajar. Pelajar mempunyai tahap motivasi yang berbeza terhadap pengajaran dan pembelajaran kepada persekitaran mereka (Baharin et al., 2007). Namun begitu, menurut Baharin et al. (2007) lagi, pelajar kemungkinan akan menghadapi konflik dalam pembelajaran kerana mereka tidak mempunyai gaya pembelajaran yang bersesuaian. Masalah ini akan berlaku apabila gaya pembelajaran pelajar tidak dapat disesuaikan.

vi) *Pemikiran yang kurang kreatif*

Terdapat beberapa informan yang telah menyatakan isu sukar untuk berfikir dengan baik kerana tahap pemikirannya yang terhad akibat daripada kurang berkongsi idea dan maklumat dengan rakan-rakan sekeliling. Masalah pemikiran menjadi kurang kreatif akibat daripada hanya berada di kelompok sendiri sahaja. Tambahan lagi, apabila mahasiswa menjalani pengajian secara dalam talian ini, mahasiswa tidak terdedah dengan aktiviti secara bersemuka dan interaksi antara satu sama lain menjadi kurang.

“perubahan penglibatan sebagai seorang mahasiswa lah. Kita dah kurang kreatif sebab itulah kiranya mahasiswa ni kita ada banyak aktiviti. Kalau di kolej kita boleh buat aktiviti beriadah lah bersukan main lepastu program sana program sini. Perubahan yang paling besar itulah kita kena buat benda tu semua atas talian dan sangat terhad. Jadi aktivitinya semuanya tak seronok dan tak sebaik yang fizikal lah”.

(Informan 1)

“... aaa otak saya tak berkembang duduk rumah. Fikiran tu macam sempit ja bila duduk di rumah ni. Kalau macam kita duduk kolej macam masuk Universiti kita boleh join banyak benda dan buat aktiviti-aktiviti kolej lepastu boleh jumpa ramai orang”

(Informan 3)

“lepastu bengkel-bengkel untuk kemahiran edit video. Kebanyakan diaorang bagi semua atas talian lepastu orang yang macam tak tahu nak buat editing atau nak buat apa apa susah nak belajar daripada online kan”

(Informan 4)

Mahasiswa baharu sedang berhadapan dengan krisis di mana mereka kurang terdedah dengan aktiviti-aktiviti secara fizikal dimana ia akan melibatkan program yang memerlukan idea-idea yang kreatif. Kreativiti merupakan suatu kebolehan berfikir dan bertindak yang tidak berasaskan logik biasa kerana logik bersifat penilaian (Yahaya et al., 2011). Menurut kajian daripada

Yahaya et al. (2011), faktor yang mempengaruhi perkembangan kreativiti adalah personaliti, tempat belajar dan keadaan persekitaran seseorang individu. Menurut kajian Munir (2001), kemahiran berfikir bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan pengetahuan, malah kemahiran ini dapat meningkatkan aras motivasi dalam diri pelajar itu sendiri.

vii) Tiada Kemahiran Komunikasi yang baik

Oleh kerana terdapat informan yang memiliki personaliti yang pasif dan tiada keyakinan dalam menonjolkan diri di khalayak ramai, jadi pengalaman yang dihadapi semasa pandemik ini sedikit sebanyak menghalang proses dalam mengubah personaliti mereka. Berkenaan dengan isu yang dibincangkan menunjukkan bahawa mereka sedang mengalami masalah dalam berkomunikasi antara satu sama lain.

“saya pun jenis yang pemalu nak bertanya tambah tambah takda kenal kawan sekelas sangat kan jadi saya pun just let go ja kalau tak faham dan tak bertanya”

(Informan 3)

“bila online class ni tapi kadang-kadang bila dah start kelas tu ada setengah subjek tu ada kawan-kawan yang tak kenal tu saya rasa macam gelabah sebab saya tak tahu macam mana nak komunikasi dengan diaorang”

(Informan 4)

“kalau belajar online ni kita nak berhubung dengan member antara satu sama lain untuk buat assignment tu macam masalah sikit lah sebab kita tak kenal kan lepastu tak tahu dia macam mana”

(Informan 7)

Kemahiran komunikasi adalah amat penting sebagai seorang mahasiswa. Kemahiran komunikasi yang baik dapat membantu mahasiswa untuk mencapai sesuatu perkara. Menurut kajian Yahya et al. (2010), kemahiran berkomunikasi merupakan elemen yang penting dalam proses kehidupan setiap individu. Di bahagian ini menunjukkan bahawa terdapat sedikit halangan terhadap mahasiswa baharu untuk mengasah kemahiran berkomunikasi kerana peluang mereka adalah terhad dengan hanya menjalani pembelajaran secara dalam talian. Menurut kajian Yahaya et al. (2010) lagi, antara faktor berlakunya pengangguhan dikalangan mahasiswa adalah disebabkan oleh kurangnya keyakinan diri dalam aspek komunikasi. Kajian daripada Abdillah dan Suriani (2017), tanpa komunikasi dua hala maka sesi pengajaran dan pembelajaran tidak mungkin mendapat keberkesanan. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan mahasiswa kurang mendapat peluang untuk berkomunikasi secara dua hala.

5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini membuktikan bahawa terdapat beberapa perkara yang memberi kesan terhadap psikososial mahasiswa baharu tahun satu di semester pertama mereka. Mahasiswa perlu menghadapi norma pembelajaran yang baharu yang sangat asing bagi mereka dan perubahan ini sedikit sebanyak telah membebani sesetengah

pelajar dalam meneruskan pembelajaran. Oleh itu, pihak Universiti perlu mengambil beberapa inisiatif segera bagi mengatasi masalah ini. Dalam menguruskan kes secara profesional terdapat beberapa elemen penting yang perlu dititikberatkan iaitu pengetahuan, nilai dan kemahiran profesional (Suhaimi et al, 2016). Oleh itu, pekerja sosial juga memainkan peranan penting di sektor universiti dan dengan adanya perkhidmatan bantuan daripada pekerja sosial, masalah ini dapat diberi perhatian sewajarnya kepada mahasiswa kerana mempunyai perkhidmatan yang secukupnya kepada mereka.

Di samping itu, tindakan pihak universiti dalam persediaan piawaian pendidikan kerja sosial yang ditetapkan dapat mengembangkan lagi bidang pendidikan kerja sosial (Nurzaimah & Haris, 2019). Dengan perubahan yang berlaku terhadap kehidupan mahasiswa, pihak kerajaan dan Universiti perlu mengambil tahu berkaitan dengan kesan perubahan psikososial yang berlaku dalam kalangan mahasiswa baharu. Apabila masalah ini tidak dititikberatkan, perkara ini akan memberi impak negatif yang ketara terhadap perkembangan psikososial terhadap mahasiswa yang terlibat. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah intervensi untuk mengembleng masalah mahasiswa baharu ini supaya tidak menjadi lebih parah.

Pengkaji mendapati bahawa dasar sokongan psikososial adalah diperlukan dalam mengembleng masalah yang dihadapi oleh mahasiswa pada zaman pandemik ini dalam meningkatkan daya tahan mahasiswa. Seseorang individu yang mempunyai daya tahan yang tinggi mampu untuk mengadaptasi dalam pelbagai situasi yang tertekan atau berhadapan dengan sesuatu krisis. Dalam hal ini, pihak profesional seperti Pekerja sosial, Kaunselor dan Pakar Psikologi perlu memberi kerjasama dalam menyampaikan bantuan terhadap mahasiswa universiti. Jika dasar sokongan psikososial ini dibangunkan khusus untuk mahasiswa, plan pengurusan akan lebih teratur dan efektif. Menurut kajian Nurzaimah dan Haris (2019), program kerja sosial yang berkesan dapat meningkatkan penyelidikan serta boleh mengembangkan ilmu kerja sosial. Di samping itu juga, peningkatan dalam ilmu kerja sosial dapat membantu dalam pembentukan dasar-dasar sosial khidmat manusia.

Kajian ini menyarankan untuk pengkaji akan datang menggunakan kaedah campuran dalam pengumpulan data. Kaedah campuran adalah merupakan pengkaji menjalankan kajian dengan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Dengan menggunakan kaedah campuran ini, pengkaji akan memperolehi data yang kaya dan juga memperolehi data yang holistik dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa adalah lebih baik jika pengkaji akan datang meluaskan skop kajian dengan memfokuskan lebih daripada satu Universiti. Kajian semasa hanya memfokuskan kepada satu Universiti sahaja iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Namun begitu, pengkaji akan datang boleh melibatkan banyak lagi Universiti dalam kajian mereka supaya dapatan kajian yang diperolehi lebih komprehensif.

Rujukan

- Adenan. N & Yusof.Y (2019) Penggunaan internet dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Johor ke arah pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia* 2(6)1-14.
- Andin.C, Hassim.I (2017) Kajian tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang menginap di kolej 17 UTM Skudai, Johor.

- Abu.B, Johan.O,Mansor.S.M.S, Jaafar.H. 2007. Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan UTM Johor.
- Asri.N.M, Bakar.N, Laili.I.A, Saad.S (2019) Status Kewangan dan Tekanan dalam kalangan mahasiswa. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.
- Aslal.N & Wahab.H.A (2019) Ciri-Ciri Program Kerja Sosial Yang Berkesan Untuk Memenuhi Piawaian Pendidikan Kerja Sosial. 16(4) 1-19.
- Aslal.N & Wahab.H.A (2019) Bentuk Piawaian Pendidikan Kerja Sosial yang Diterapkan Dalam Program Kerja Sosial: Respon Pelajar-Pelajar di Universiti Awam, Malaysia. 34(2) 1-15.
- Arif.L (2020) PKP: E- Pembelajaran tidak segerak sesuai di luar bandar, pedalaman. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677952/> Berita Harian Online.
- Al-Tawfiq JA (2013) Middle East respiratory syndrome Coronavirus infection.
- Ahmad Sihes (2008) Konsepsi Pengajaran Pensyarah dan Hubungannya dengan Persekitaran Pengajaran Pensyarah. Jurnal Teknologi.
- Atiqah.I, Amir.R (2016) Sikap terhadap kemahiran pemikiran kritikal dan hubungannya dengan prestasi akademik dalam kalangan pelajar-pelajar UKM. Jurnal Psikologi Malaysia. 30(1)142-151.
- Baser.J.A, Rahim.M.B (2011) Keberkesanan Kursus Pengajaran Mikro Terhadap Program Latihan Mengajar Di Sekolah. Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Buntat.Y & Nasir.N.S (2011) Faktor-faktor yang mendorong kreativiti di kalangan pelajar. *Journal of Educational Psychology and Counselling* 2:1-34.
- Buntat.Y & Hassan.M.S (2010) Kemahiran komunikasi dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar.
- Bernama (2020) Cabaran Mengajar dalam Talian. <https://www.sinarharian.com.my/article/>. Sinar Harian.
- Bakar.N, Asri.N, Laili.I.A, Saad.S (2019) Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. Jurnal Personalia Pelajar 22(2) 1-8.
- Basri.M (2012) Kaedah Kajian. Selangor International Islamic University College, Bangi.
- Cheston B Chunha, Steven M Opal (2014) Middle East Respiratory Syndrome (MERS) A New Zoonotic Viral Pneumonia. Volume 5.
- Che Ahmad.C.N., Shaharim.S.A., Yahaya.A (2016) Kesesuaian Persekitaran Pembelajaran, Interaksi Guru-Pelajar, Komitmen Belajar dan Keselesaian Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Biologi. 6(1) 1-20.
- Fauziana.N (2020) Pandemik Coronavirus (COVID-19): Pembelian dan Pengajaran secara Atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia.
- Helaluddin, S.Syawal.2018. Psikoanalisis Sigmund Freud dan Implikasinya dalam Pendidikan.
- Hamat.M, Mahlan.S.B, Eng.C.P (2020) Adaptasi pengajaran dan pembelajaran secara maya dalam kebiasaan baharu semasa pandemik covid-19. Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang.
- Hamzah.S.R (2013) Pengaruh Faktor Psikososial Terhadap Tingkah Laku Hendoisme Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Hua. A.K (2016) Mengenai penyelidikan dan kajian kes: Satu tinjauan literatur. *Malaysian Journal of Society and Space* 12: 49-55.

- Heriyanto (2018) *Thematic Analysis* sebagai Metod Menganalisa Data Untuk Penelitian Kualitatif. Program Studi Ilmu Perpustakaan. Fakultas Ilmu Budaya. Indonesia 2(3):317-324.
- Ibrahim.H (2014) Pengaruh faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar fakulti kejuruteraan mekanikal dan pembuatan serta pelajar fakulti kejuruteraan elektrik di UTHM.
- Jaafar.F.MD, Ariffin.F.2015. Perkembangan Psikososial Pelajar di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Analisis Perbezaan Berdasarkan Jantina. *Jurnal kepimpinan pendidikan*, vol 2.
- Juniho.M.2009. Teori Psikososial Erik Erikson. Jurnal Kharis Edisi 3. Bandung, Indonesia.
- Kadir.N.B.A, Desa.A (2017) Sokongan Sosial dan Keceriaan: Tinjauan Awal di Institusi Pengajian Tinggi. Volume 3, 3(12).
- Khasanah.U.A, Livana P.H, Indrayati .N (2019) Hubungan perkembangan psikososial dengan prestasi belajar anak usia sekolah. *Jurnal Ilmu Keperawatan Jiwa*. 2(3) 157-162.
- Khair.A, Rodzuwan.N.A.S, Noor.A, Jaafar.W.M. Hassan.M.M. (2020) Sokongan Sosial, Penghargaan sendiri dan kemurungan dalam kalangan mahasiswa di Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5(11)1-10.
- Mokhtar.H (2020) Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad.M.S., Brahim.S. Zakaria.E., Samon.N (2016) Kelestarian Praktis Kerja Sosial ke Arah Kesejahteraan Hidup Kanak-Kanak Terpinggir di Malaysia.
- Mahendra A (2020) Pelaksanaan pembelajaran jarak jauh Masa pandemi COVID-19.
- Mohamad.Z, Rathakrishnan.B (2014) Hubungan Daya Sokongan Sosial Terhadap Kesunyian Pelajar Dalam Institusi Pengajian Tinggi. Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Mat Zin.D.M, Zainun.A, Razak.F (2017) Tekanan emosi dalam kalangan pelajar pintar berbakat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Masri.R, Ahmad.A, Rani.R.A. 2018. Teori Maslow dalam konteks memenuhi keperluan asas pekerja dan peranannya dalam meningkatkan prestasi organisasi: kajian dan perspektif islam. *Jurnal Hadhari* 10(1): 1-27.
- Mohammad Azri (2019) Pengaruh persekitaran psikososial sekolah dan efikasi sendiri guru terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4(32) 301-331.
- Mamat.S (2016) Tahap kecerdasan emosi dalam kalangan remaja di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Sains Sosial*. Jilid 1.
- Nurzaimah.A, Wahab.H.A (2019) Ciri-ciri program kerja sosial yang berkesan untuk memenuhi piawaian pendidikan kerja sosial. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 16:1-19.
- Nawi.N.H, Ahmat.M.F, Esahak.M.F, Hamat.Z.A, Iesnordin.I (2017) Hubungan antara sokongan sosial dengan kemurungan dalam kalangan penagih dadah. *Jurnal Pembangunan Sosial* 20:1-21.
- Rashid.S.M.R, Samat.N (2018) Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanitie* 13(2)1-13.

- Royo.A & Muda.S. (2017) Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran komunikasi di kalangan pelajar tahun 4 Perdana Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan.
- Samir.R, Nath, Sylva.K, Grimes.J (1999) Raising basic education levels in rural bangladesh: the impact of a non-formal education programme.Kluwer Academic Publishers 45(1)1-22.
- Yusuf.N.Y, Abu.R, Yunus.A.S (2014) Tingkah laku, emosi dan kognitif murid sebagai faktor peramal pencapaian akademik (1) 1-20.
- Yahaya.A, Boon.Y (2017) Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkahlaku pelajar.
- Zainal.Z.N.A(2020) Tahap Kesejahteraan Psikologi Dan Kawalan Diri Pelajar Yang Tinggal Di Dalam Kampus Dan Luar Kampus Universiti Malaysia Sabah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.